

Tuhan Allah dalam *Bible*

Dalam siri *Solusi* yang lalu telah dijelaskan tentang gambaran Allah dalam al-Quran. Allah Maha Esa, tempat bergantung bagi semua makhluk, tidak beranak dan tidak diperanakkan. Allah juga mempunyai sifat-sifat yang menggambarkan kekuasaan dan kesempurnaan-Nya.

Ini adalah keyakinan yang mesti disemat dan diyakini secara *jazam* iaitu putus atau muktamad. Maknanya tiada lagi rasa syak atau ragu. Surah yang asas dan pendek yang wajar diberi perhatian ialah surah al-Ikhlas. Surah ini membahaskan sifat-sifat Allah s.w.t. Ayat Kursi iaitu ayat 255 daripada surah al-Baqarah juga baik dalam memahami sifat-sifat Allah. Ayat Kursi juga merupakan asas dalam mengenal Allah.

Dalam siri kali ini, mari kita lihat beberapa riwayat kisah Tuhan Allah dalam kitab Taurat yang wujud pada hari ini. Riwayat ini hanya sekadar nukilan dan sebagai perbandingan dalam memahami antara Allah dalam akidah Islam dengan Allah dalam agama yang lain. Antara riwayat tersebut ialah:

1. Tuhan Berlawan dengan Manusia

Dihikayatkan bahawa Tuhan pernah berlawan dengan manusia. Kisah ini berlaku di antara Tuhan dan Nabi Yaakob. Dalam kisah ini, nampaknya Tuhan kalah dan Nabi Yaakob menang. Kisahnya ialah sebagaimana tercatat dalam Taurat, bahagian *Genesis 2 : 24-30*.

Yaqub was left alone, and wrestled with a man there until the breaking of the day. When he saw that he did not prevail against him, he touched the hollow of his thigh, and the hollow of Yaqub's thigh was strained, as he wrestled. The man said, "Let me go, for the day breaks." Yaqub said, "I will not let you go, unless you bless me."

He said to him, "What is your name?" He said, "Yaqub." He said, "Your name will no longer be called Yaqub but Israel for you have fought with God and with men, and have prevailed." Yaqub asked him, "Please tell me your name." He said, "Why is it that you ask what my name is?" He blessed him there. Yaqub called the name of the place Peniel: for, he said, "I have seen God face to face and my life is preserved."

Manakala dalam al-Quran, gambaran Tuhan Allah disifatkan sebagai amat kuat dan berkuasa. Antaranya nas al-Quran yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah adalah amat kuat dan perkasa." (*Surah al-Hajj 22: 40*)

Sebenarnya tiada satu nas dalam al-Quran yang menyatakan bahawa Allah berlawan dengan manusia. Sekadar yang ada ialah kenyataan agar membantu Allah. Adakah seruan untuk membantu Allah bermakna Allah juga lemah? Allah berfirman maffhumnya: "Jika kamu menolong Allah, maka Allah akan menolong kamu." (*Surah Muhammad 47: 7*)

Kenyataan ini bukan bermakna Allah lemah. Membantu Allah dalam ayat ini ialah seruan untuk beramal dan berjihad. Ia seruan untuk berjuang menegakkan kalimah Allah atau agama yang diredai oleh Allah.

Berbalik kepada riwayat kisah yang direkodkan dalam Taurat, timbul beberapa persoalan. Kenapa Tuhan perlu turun ke bumi dalam bentuk manusia? Kenapa Tuhan berlawan dengan Nabi Yaakob? Tuhan kalah? Kenapa Nabi Yaakob begitu "kurang adab" hingga sanggup berlawan bersungguh-sungguh untuk mengalahkan Tuhan?

2. Tuhan Tidak Mampu Mengusir Manusia

Dalam Bible, diceritakan suatu kisah seperti berikut:

Allah was with Judah; and drove out the inhabitants of the hill-country, for he could not drive out the inhabitants of the valley, because they had chariots of iron. (Judges 1: 19) Terjemahannya: "Dan Tuhan menyertai suku Yehuda, sehingga mereka menduduki pergunungan itu, tetapi mereka tidak dapat menghalau penduduk di lembah, sebab orang

ini mempunyai kereta-kereta besi."

Sebab yang dinyatakan dalam kedua-dua teks ini ialah kerana penduduk di lembah tersebut mempunyai kereta-kereta besi. Mungkin juga senjata daripada besi.

Timbul persoalan, adakah Tuhan takut kepada senjata daripada besi? Kalau begitu, bagaimana dengan senjata moden hari ini seperti bom nuklear?

3. Tuhan Menyesal Menjadikan Manusia

Penyesalan ada masanya positif dan ada masanya negatif. Positif jika ia digunakan sebagai pemangkin ke arah sesuatu yang baik. Penyesalan terhadap dosa yang dilakukan adalah baik. Itu satu unsur dalam taubat. Namun ada masanya penyesalan merujuk kepada satu sikap yang lemah iaitu kejahilan. Kita tidak tahu apa yang akan berlaku. Jika kita tahu akibat buruknya, sudah tentu kita tidak melakukannya.

Diceritakan dalam Bible bahawa Tuhan menyesal kerana menjadikan manusia. Nasnya berbunyi:

Allah was sorry that he had made man on the earth, and it grieved him in his heart. (Genesis 6: 6)

Versi Indonesia ialah, "Maka menyesallah Tuhan, bahawa Ia telah menjadikan manusia di bumi, dan hal itu memilukan hati-Nya."

Apakah makna penyesalan ini? Adakah ia positif atau negatif? Adakah Tuhan tidak mengetahui tentang apa yang akan berlaku?

Namun dalam nas Bible yang lain, nampaknya Tuhan tidak menyesal. Nasnya berbunyi:

God is not a man, that he should lie, neither the son of man, that he should change his mind. Has he said, and will he



Mohd. Nidzam Abd. Kadir

Lulusan Sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kini berkhidmat sebagai pensyarah juga di UIAM. Berpengalaman menimba ilmu di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan, kemudian menyambung pelajaran di Universiti Al-Azhar dan kursus peringkat Sarjana di American Open University, Kaheerah. Aktif dalam penulisan. Lawati blog beliau, <http://nidzamkanadir.blogspot.com>

not do it? Or has he spoken, and will he not make it good? (Numbers 23 : 19)
Terjemahannya, "Tuhan bukanlah manusia, sehingga Ia berdusta, dan bukan juga anak manusia, sehingga Ia menyesal. Masakan Ia berfirman dan tidak melakukannya, atau berbicara dan tidak menepatinya?"

4. Tuhan Berehat Selepas Menciptakan Bumi

Tuhan melakukan kerja dan selesai kerja pada hari ketujuh. Dalam buku *al-Masihiyah*, lafaznya berbunyi, "Dan Allah selesai pada hari ke tujuh daripada kerja-Nya yang Dia lakukan, maka Dia berehat pada hari ketujuh."

Kenyataan ini berdasarkan kitab Taurat, dalam *Genesis 2: 2*, berbunyi:

"The heavens and the earth were finished, and all the host of them. On the seventh day Allah finished the work he had been doing; so he rested on the seventh day from all his work. Allah blessed the seventh day, and made it holy, because he rested in it from all the work of creation that he had done."

Di sini terdapat gambaran bahawa Tuhan juga berehat. Namun versi Indonesia tidak pula menyebut Tuhan berehat, "Ketika Allah pada hari ketujuh telah menyelesaikan pekerjaan yang dibuat-Nya itu, berhentilah Ia pada hari ketujuh daripada segala pekerjaan yang telah dibuat-Nya itu."

Dalam *al-Quran* terdapat kenyataan yang lebih kurang sama mengenai bagaimana Allah menjadikan langit dan bumi. Firman Allah yang bermaksud, "Sesungguhnya Tuhan kamu iaitu Allah menjadikan langit-langit dan bumi dalam masa enam hari, kemudian Dia beristiwā' atas Arasy." (*Surah al-A'raf 7: 54*)

Persoalannya, adakah Tuhan perlu berehat? Atau ada makna tersirat di sebalik perkataan "berehat"?

Ini adalah **empat contoh** tentang bagaimana gambaran Tuhan dalam kitab Bible bahagian Perjanjian Lama. Ia juga dikenali sebagai Taurat.

Namun perlu difahami bahawa keimanan setiap Muslim adalah kepada asas bahawa kitab Taurat adalah wahyu Allah yang diberikan kepada Nabi Musa a.s. Adapun kitab Taurat yang ada pada hari ini, kita terlepas diri dan tidak yakin lagi bahawa ia adalah asli sebagaimana yang wujud pada zaman Nabi Musa a.s. Banyak perkara boleh dikaji dalam kitab Taurat ini bagi memperkukuhkan keyakinan dan keimanan kita kepada risalah Nabi Muhammad s.a.w.

Empat contoh ini boleh dijadikan contoh perbandingan antara Allah dalam akidah Islam dengan Allah dalam agama lain. Solusinya, buatlah kajian dan perbandingan demi kemandapan akidah tauhid. ■

Khutbah Terakhir

"Wahai sekalian manusia,

Dengarlah perkataanku ini kerana sesungguhnya aku tidak tahu boleh jadi aku tidak akan bertemu lagi dengan kalian selepas tahun ini di tempat wuquf seperti ini selama-lamanya. Sesungguhnya darah-darah kalian dan harta-harta kalian terlindung dan mulia seperti kemuliaan hari kalian ini, di bulan kalian ini dan di negeri kalian ini. Ketahuilah bahawa segala sesuatu daripada masalah jahiliah sudah terinjak hina di bawah kakiku, darah jahiliah sudah tidak berlaku. Dan sesungguhnya darah pertama yang aku jatuhkan daripada darah kita adalah darah Ibn Rabi'ah bin al-Harith (dia disusui oleh Bani Sa'ad lalu dibunuh oleh Hudzail). Riba jahiliah sudah tidak berlaku dan dan riba kali pertama yang aku hilangkan daripada kita adalah riba Abbas bin Abdul Muthalib kerana semua itu sudah tidak berlaku."

"Bertakwalah kalian kepada Allah dalam masalah perempuan kerana kalian mengambil mereka dengan amanat daripada Allah dan kalian menghalalkan 'kehormatan' mereka dengan kalimah Allah (syahadat). Kewajipan mereka terhadap kalian adalah mereka tidak memberi kesempatan tinggal di tempatmu kepada seseorang yang kalian tidak suka. Jika mereka berbuat demikian, maka pukullah mereka dengan pukulan yang tidak membahayakan. Sedangkan kewajipan kalian terhadap mereka adalah memberi nafkah dan pakaian yang baik."

"Dan sungguh telah aku tinggalkan kepada kalian sesuatu yang kalian tidak akan tersesat selama mana berpegang teguh dengannya, iaitu kitabullah. Wahai sekalian manusia, sesungguhnya tidak ada nabi lagi setelahku, tidak ada pula umat baru setelah kalian. Maka sembahlah Rabb kalian, solatlah lima waktu, berpuasalah pada bulan Ramadan, tunaikanlah zakat harta kalian dengan berlapang dada, tunaikanlah haji ke Rumah Allah (Baitullah) dan patuhilah pemimpin-pemimpin kalian, nescaya kalian masuk syurga Rab kalian. Dan kalian akan ditanya tentang aku, maka apa yang kalian akan katakan?"

Itulah khutbah Rasulullah s.a.w. di hadapan lautan jemaah haji seramai lebih kurang 144,000 orang. Itu juga merupakan haji perpisahan (haji wada') yang sempat Baginda lakukan bersama Muslimin.

Kemudian para hadirin menjawab pertanyaan Baginda di atas, "Kami bersaksi bahawa engkau telah menyampaikan dan menunaikan dan memberi nasihat."

Baginda kemudian berkata sambil mengangkat jari telunjuknya ke atas, "Ya Allah, saksiannya." Rasulullah mengulanginya sebanyak tiga kali.